

Pemimpin akur keputusan tanggung penamaan calon

BH 22 APR 2002

KUALA LUMPUR, Isnin - Semua pemimpin MCA negeri akur dengan keputusan MCA pusat menangguhkan penamaan calon bagi semua pemilihan peringkat bahagian parti itu ke satu tarikh yang akan ditetapkan.

Keputusan penangguhan itu dibuat dua jam selepas penamaan dimulakan pada jam 4 petang ini.

Timbalan Presiden Datuk Lim Ah Lek yang mengetuai Kumpulan B menyambut baik keputusan yang diumumkan Presiden parti Datuk Seri Dr Ling Liong Sik itu.

Beliau juga berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menyediakan agenda bagi perdamaian dan kestabilan.

"Paling penting sekarang ialah parti bersatu dan menyiapkan diri menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Ia tidak jauh lagi dan kita mahu membantu parti serta Barisan Nasional (BN) menang dengan majoriti besar," katanya ketika dihubungi malam ini.

Lim mengulas penangguhan sementara pemilihan peringkat bahagian MCA yang dijadual pada 27 dan 28 April serta proses penamaan calon yang ditetapkan hari ini dari pukul 4 petang hingga jam 8 malam.

Di ALOR STAR, Timbalan Pengerusi MCA Kedah,

Datuk Chor Chee Heung yang juga ahli jawatankuasa pusat parti berkata, beliau percaya penundaan tarikh penamaan calon itu bukan bermaksud Kumpulan A tidak puas hati dengan kandungan memorandum penyelesaian yang dibuat Kumpulan B.

"Dr Ling tubak bermaksud begitu ketika menemui Perdana Menteri petang tadi.

"Saya tidak layak memberikan butir terperinci mengenai pertemuan itu kerana saya tidak ada di situ. Namun, ini adalah persefahaman yang dicapai Dr Ling," katanya di Bangunan MCA, malam ini.

Mengenai borang calon yang dikemukakan hari ini, Chor berkata, ia harus disimpan sehingga keputusan mengenai tarikh baru dibuat pemimpin parti.

Di JOHOR BAHRU, semua 20 bahagian MCA termasuk Pagoh dan Bakri yang dikatakan berpihak kepada Kumpulan B parti itu, membuka pusat penamaan calon masing-masing hari ini.

Pencalonan jawatankuasa di setiap bahagian MCA itu berjalan lancar walaupun berlaku sedikit ketegangan di beberapa pusat penamaan calon berikutan kebanyakan pencalonan bagi jawatan tertinggi ditandingi calon daripada Kumpulan A dan Kumpulan B.

Namun, suasana di pusat penamaan calon reda apabila mereka mendapat tahu pemilihan bahagian ditangguhkan.

Pengerusi MCA Johor Bahru, Freddie Long, ber-

sama penyokong yang memihak kepada Kumpulan A ketika ditemui di pejabat MCA ketika penamaan calon kelihatan kecewa selepas mengetahui perkara itu.

"Kita akan mematuhi apa juga arahan pemimpin tertinggi parti walaupun ada juga rasa kecewa dengan berita yang diterima," katanya.

Setiasaha MCA Johor Bahru, Wee Ka Siong berkata, keputusan daripada hasil pertemuan pemimpin tertinggi MCA dengan Dr Mahathir itu memberi petanda positif berikutan kedua-dua kumpulan itu setuju mematuhi arahan Pengerusi BN.

Di KUANTAN, Pengerusi Perhubungan MCA negeri, Datuk Kan Tong Lai, ketika ditemui di Wisma MCA Pahang, petang ini, berkata MCA negeri akur apa saja keputusan MCA Pusat berhubung penangguhan proses pencalonan jawatan untuk perhimpunan agung parti itu.

Di GEORGETOWN, Pengerusi MCA Negeri, Dr Sak Chen Lum, berkata, pihaknya akan mematuhi keputusan presiden parti.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pengkalan Kota, Lee Hack Teik, yang dikaitkan dengan Kumpulan B, turut mengalu-alukan keputusan yang diambil pucuk pimpinan MCA itu.

Katanya, itulah langkah (penangguhan pemilihan) yang sepatutnya diambil oleh pucuk pimpinan parti bagi memberi peluang

Kumpulan A dan B berbilang.

Di KUALA TERENGGANU, Timbalan Pengerusi Perhubungan MCA negeri, Wong Foon Meng, berkata semua bahagian akan mematuhi keputusan Jawatankuasa Pusat menangguhkan pencalonan selaras semangat perpaduan parti.

Sebelum pengumuman oleh Dr Ling, Wong berkata, semua jawatan Ketua MCA bahagian di Terengganu tidak dipertandingkan kecuali bahagian Kemaman yang menyaksikan pertandingan tiga penjur.

Katanya, pertandingan tiga penjur berlaku di Kemaman selepas pemangku jawatan, Wong Hee Yong dicabar Ketua Pemuda bahagian, Ong See Juan dan Naib Ketua bahagian, Siaw Teck Hwa.

Wong tidak mengekalkan Ketua MCA bahagian Kuala Terengganu kerana memberi laluan kepada Ketua Pemuda MCA negeri, Toh Chin Yaw, menerajui bahagian itu.

Di KOTA BHARU, suasana di pejabat MCA negeri lengang sejak jam 6 petang kerana sebahagian besar ahli sudah mengetahui keputusan MCA pusat mengenai penangguhan penamaan calon bagi semua pemilihan peringkat bahagian parti.

Selepas tempoh akhir pencalonan jam 8 malam tadi, hanya empat kakitangan MCA menurunkan semua borang penamaan calon yang ditampal di papan kenyataan.